

Headline	ANUGERAH PENGGIAT SOSIAL WANITA 2011 MILIK DATIN PADUKA HAJAH KHATIJAH		
MediaTitle	Seri Dewi & Keluarga		
Date	15 Dec 2011	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	70,465
Page No	207	Readership	131,958
Language	Malay	ArticleSize	362 cm ²
Journalist	EMILIA SALIM	AdValue	RM 3,134
Frequency	Monthly	PR Value	RM 9,402



OLEH : EMILIA SALIM | FOTO : NASHRUL HAQ



Kementerian Pembangunan
Wanita, Keluarga dan Masyarakat

"Kemenangan saya adalah untuk semua yang terlibat dalam bidang sosial," begitulah antara kata-kata yang diucapkan saat ditanya perasaannya apabila diumumkan sebagai penerima Anugerah Perdana Menteri Penggiat Sosial Wanita 2011.



ANUGERAH PENGGIAT SOSIAL WANITA 2011 MILIK DATIN PADUKA HAJAH KHATIJAH



Ditemubual selepas acara penyampaian hadiah.

Datin Paduka Hajah Khatijah Sulaiman@Sulieyman telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Perdana Menteri Penggiat Sosial Wanita 2011 pada 25 September yang lalu. Majlis yang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan juga dihadiri kira-kira 1,000 orang tetamu.

Melahirkan rasa terharu dan akan meneruskan perjuangan dalam bidang khidmat sosial sekali gus memperkasakan golongan OKU merupakan matlamat Datin Paduka Hajah Hatijah selepas ini. Setelah lebih 30 tahun beliau mengorbankan cita-cita peribadinya agar orang lain boleh

menikmati kehidupan yang lebih mulia.

Memilih kehidupan berbakti dan menjalankan kerja-kerja sukarela, tampaknya kini beliau mampu tersenyum puas dengan hasil titik peluhnya selama ini. Memegang kedudukan berpengaruh di peringkat negeri dan serantau, Datin Paduka Hajah Khatijah merupakan Presiden Rumah Ama! Cheshire Selangor, Presiden Persatuan Kesihatan Reproduktif Keluarga Selangor & Wilayah Persekutuan, Naib Presiden Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Selangor dan Ahli Jawatankuasa Persatuan Jalinan Sokongan Komuniti Selangor.

Datin Paduka Hajah Hatijah turut bersaing dengan finalis lainnya iaitu Profesor Dr. Adeeba Kamarulzaman

(Yang Dipertua Majlis AIDS Malaysia, MAC), Dato' Ruby Khong (Pengasas Kechara Soup Kitchen, KSK) Sariah Amirin (Pengasas pusat latihan disleksia), dan Dr. Selvamalar Ayadurai (Pengasas TEC-Outreach).

Turut digelar sebagai ibu revolusi, berinovasi dan berinspirasi, Datin Paduka Hajah Hatijah berhasrat untuk terus menjalankan program-program yang berjaya sekali gus dapat memimpin golongan yang memerlukan. Selain itu, beliau juga menerima penajaan dari tabung khas perbendaharaan selama dua tahun bagi menjalankan aktiviti sosial wanita, nyata Datin Paduka Hajah Khatijah tidak akan mensia-siakan peluang yang diberikan kepadanya.